

BAB 3

Perkembangan Monetari dan Kewangan

129 PERSPEKTIF KESELURUHAN

129 PERKEMBANGAN MONETARI

130 PRESTASI RINGGIT

131 PRESTASI SEKTOR PERBANKAN

134 PRESTASI PASARAN MODAL

137 PRESTASI FBM KLCI

Sisipan 3.1 – Inisiatif Utama Pasaran Modal

140 PRESTASI PERBANKAN DAN PASARAN MODAL ISLAM

Sisipan 3.2 – Perkembangan Terkini Kewangan Islam:
Forum Global mengenai Ekonomi dan Kewangan
Islam

143 KESIMPULAN

144 RUJUKAN

BAB 3

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Perspektif Keseluruhan

Pasaran kewangan kekal kukuh

Pasaran kewangan Malaysia kekal berdaya tahan dan teratur. Bertunjangkan kerangka Ekonomi MADANI, pasaran kewangan domestik terus memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi disokong oleh kedudukan modal institusi kewangan yang teguh dan pasaran modal yang beroperasi dengan lancar. Di samping itu, pendirian dasar monetari kekal tidak berubah dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.00% seiring dengan prospek inflasi dan prestasi pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan pasaran berikutan cabaran luaran seperti ketegangan geopolitik yang meruncing, tempoh kadar faedah global tinggi yang berpanjangan, pertumbuhan perlahan di China dan keputusan pilihan raya presiden AS mampu mempengaruhi prestasi pasaran kewangan domestik.


Perkembangan Monetari

Kadar Dasar Semalaman dikekalkan dalam keadaan pertumbuhan yang stabil

Paras OPR dikekalkan pada 3.00% dalam tempoh sembilan bulan pertama 2024. Kadar ini kekal tidak berubah berikutan penilaian terperinci oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) terhadap keadaan ekonomi secara keseluruhan. Keputusan ini seiring dengan inflasi yang terkawal dan prospek semasa aktiviti ekonomi domestik yang kekal kukuh meskipun dengan pelaksanaan rasionalisasi subsidi diesel. Hala tuju dasar Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka terus

berpandangan ke hadapan dengan tumpuan untuk mengekalkan kestabilan harga bagi menyokong pertumbuhan ekonomi domestik yang mampan menuju 2025.

RAJAH 3.1. Paras Kadar Dasar Semalaman (%)




Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar pinjaman bank komersial kekal stabil seiring dengan pengekalan paras OPR. Pada akhir Julai 2024, kadar pinjaman terutamanya kadar pinjaman asas (BLR) kekal tidak berubah pada 6.68% manakala kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul kekal stabil pada 5.12%. Kadar deposit berkurangan apabila bank komersial mula melaras strategi pembiayaan bagi mengurus kos dana dengan purata kadar deposit simpanan menyederhana kepada 0.87%. Kadar deposit tetap bagi tempoh 1- hingga 12-bulan juga berkurangan kepada julat 2.52% hingga 2.79%.

Dari perspektif global, kadar dasar di kebanyakan bank pusat mencapai kemuncak trend normalisasi pada 2023 sebelum kekal stabil bagi sembilan bulan pertama 2024. Dalam tempoh ini, bank pusat Filipina dan UK telah mula mengurangkan pengetatan dasar monetari pada Ogos 2024. Sementara itu, bank pusat Indonesia telah mengurangkan kadar dasar pada September 2024 selepas kadar dasar meningkat pada April 2024. Di samping itu, Rizab Persekutuan AS (Fed) telah mengurangkan kadar dasar yang pertama pada September 2024 dengan beberapa lagi penurunan dijangka dilaksanakan menjelang akhir tahun. Dasar monetari Malaysia kekal tidak terjejas dengan masa dan hala tuju pelaksanaan kadar dasar oleh bank pusat lain meskipun terdapat peralihan global ke arah pelonggaran dasar monetari dan terus mengambil kira perkembangan domestik.

RAJAH 3.2. Perbandingan Kadar Dasar Bank Pusat Terpilih, Januari 2022 – September 2024 (mata asas, bps)



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Prestasi Ringgit

Ringgit kembali kukuh selepas tempoh penyusutan yang panjang


Ringgit Malaysia kembali pulih daripada penyusutan yang dialami selama tiga tahun berikutan pengukuhan dolar AS dan melonjak kepada RM4.3205 berbanding dolar AS iaitu rekod tertinggi pernah dicatatkan dalam tempoh 18 bulan dengan pengukuhan sebanyak 6.4% (*year-to-date*) pada akhir Ogos 2024. Faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan nilai ringgit adalah berikutan ekonomi domestik yang kukuh termasuk pemulihan eksport dan impak positif daripada tindakan terselaras oleh pihak berkuasa untuk menggalakkan penghantaran balik dan pertukaran pendapatan pelaburan asing oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan korporat.

Di samping itu, nilai ringgit mengukuh selepas mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) pada Julai memberikan hala tuju lebih jelas mengenai trajektori pengurangan kadar faedah Fed. Faktor tersebut telah membantu memulihkan ringgit secara beransur-ansur daripada paras terendah iaitu RM4.7935 yang direkodkan pada 17 April 2024 apabila dolar AS mengukuh berdasarkan naratif *hawkish* yang melibatkan pendirian dasar monetari AS pada awal tahun ini. Perkembangan tersebut telah meningkatkan sentimen pengambilan risiko dalam pasaran berikutan perbezaan kadar faedah yang mengecil sekali gus meningkatkan selera risiko (*risk appetite*) dalam kalangan pelabur terhadap mata wang pasaran baru muncul termasuk ringgit.

Selain itu, kombinasi pelbagai faktor positif seperti prospek ekonomi yang menggalakkan, pembaharuan struktur berterusan serta penilaian positif daripada agensi penarafan antarabangsa dan penganalisis telah

memulihkan keyakinan pelabur terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang berdaya maju. Secara keseluruhannya, faktor tersebut telah mendorong ringgit untuk menjadi satu daripada mata wang terbaik di Asia. Selain daripada penilaian kadar pertukaran dua hala dengan dolar AS, ringgit telah meningkat berbanding kebanyakan mata wang utama dan serantau dalam julat 2.5% hingga 10.2% pada akhir Ogos 2024. Meninjau ke hadapan, pendekatan seluruh negara termasuk langkah untuk mengukuhkan ekonomi melalui kerangka Ekonomi MADANI dan dasar sokongan yang lain akan menyokong serta meningkatkan nilai ringgit.

RAJAH 3.3. Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (% perubahan)



Sumber: Bloomberg

Prestasi Sektor Perbankan


Keutuhan sektor perbankan menyokong aktiviti ekonomi

Permodalan dalam sistem perbankan kekal tinggi disokong oleh mudah tunai yang mencukupi bagi mendorong aktiviti pengantaraan kewangan dalam ekonomi. Pada akhir Julai 2024, Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (CET1), Nisbah Modal Kumpulan 1 dan Nisbah Jumlah Modal kekal stabil pada tahap 14.8%, 15.4% dan 18.5%. Sektor perbankan terus menyediakan pembiayaan yang mampan berikutan pertumbuhan deposit yang kukuh dengan nisbah pinjaman kepada deposit (LDR) kekal stabil iaitu 87.6%. Di samping itu, sistem perbankan juga mengekalkan mudah tunai yang mencukupi untuk memenuhi obligasi kewangan dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang dengan agregat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (LCR) iaitu 150.8% dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (NSFR) iaitu 115.5%. Indikator tersebut kekal tinggi daripada paras piawaian Basel III¹ bagi menyediakan penampungan yang kukuh kepada bank untuk menghadapi potensi kejutan mudah tunai dan pada masa sama meneruskan aliran kredit dalam ekonomi.

Dari segi kualiti aset, pinjaman terjejas kekal terkawal berdasarkan paras nisbah pinjaman terjejas kasar yang rendah iaitu 1.6% dan turut disokong oleh permintaan yang rendah terhadap program penstrukturan dan penjadualan semula oleh peminjam yang menghadapi kekangan kewangan. Keadaan ini mencerminkan kebanyakan peminjam berupaya melunaskan bayaran balik pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan. Di samping itu, sektor perbankan kekal berwaspada terhadap risiko yang boleh menjejaskan prestasi pinjaman. Jumlah peruntukan termasuk rizab pengawalseliaan kekal mencukupi sebanyak RM43 bilion (bersamaan dengan 124.5% daripada pinjaman terjejas pada akhir Julai 2024) untuk menjadi penampungan kepada potensi kerugian kredit.

¹ Paras minimum Basel III bagi Nisbah CET1 sekurang-kurangnya 4.5%, Nisbah Modal kumpulan 1 (6%) dan Nisbah Jumlah Modal (8%) daripada aset berwajaran risiko (RWA). Manakala, paras minimum bagi LCR dan NSFR adalah sebanyak 100%.

RAJAH 3.4. Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar (Akhir tempoh)



¹ Akhir Julai 2024
 Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2024, aktiviti pinjaman dalam sistem perbankan kekal kukuh dengan pertumbuhan jumlah pinjaman terkumpul sebanyak 6.4% kepada RM2,188.5 bilion disokong oleh pertumbuhan berterusan segmen perniagaan (5.7%) dan segmen isi rumah (6.5%). Sementara itu, aktiviti pembayaran balik pinjaman bagi sistem perbankan menguncup sebanyak 2.7% kepada RM1,363.6 bilion sejajar dengan pengeluaran pinjaman yang menyederhana sebanyak 0.1% kepada RM1,386 bilion berpunca daripada segmen perniagaan.

Segmen isi rumah merangkumi bahagian terbesar daripada jumlah keseluruhan pinjaman terkumpul dalam sektor perbankan dengan permohonan pinjaman meningkat sebanyak 4.9% kepada RM488.7 bilion disokong oleh permintaan yang berterusan bagi pembelian kereta penumpang dan rumah sehingga Julai 2024. Indikator pinjaman yang lain seperti kelulusan dan pengeluaran pinjaman juga meningkat sebanyak 4.1% kepada RM218.3 bilion dan

10.5% kepada RM294.3 bilion. Pertumbuhan kredit terus menggalakkan dengan aktiviti pembayaran balik kekal kukuh sebanyak 7.4% selari dengan keadaan pasaran buruh yang menggalakkan. Skim gaji perkhidmatan awam yang diselaraskan pada akhir tahun dijangka meningkatkan daya tahan segmen ini.

JADUAL 3.1. Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman¹, Januari – Julai 2023 dan 2024

	RM BILION		PERUBAHAN (%)	
	2023	2024	2023	2024
Jumlah²				
Permohonan pinjaman	797.6	842.9	3.7	5.7
Kelulusan pinjaman	413.5	432.8	8.3	4.7
Pengeluaran pinjaman	1,388.1	1,386.0	5.2	-0.1
Pembayaran balik pinjaman	1,401.0	1,363.6	6.8	-2.7
Pinjaman terkumpul ^{2,3}	2,056.4	2,188.5	4.2	6.4
<i>antaranya:</i>				
Perniagaan				
Permohonan pinjaman	310.0	333.8	6.7	7.7
Kelulusan pinjaman	185.8	200.3	15.9	7.8
Pengeluaran pinjaman	931.4	924.8	0.4	-0.7
Pembayaran balik pinjaman	947.9	918.0	2.0	-3.2
Pinjaman terkumpul ³	700.2	740.1	0.3	5.7
<i>antaranya:</i>				
PKS				
Permohonan pinjaman	180.7	190.9	15.3	5.6
Kelulusan pinjaman	94.9	102.2	19.9	7.7
Pengeluaran pinjaman	291.6	325.1	5.0	11.5
Pembayaran balik pinjaman	286.2	315.3	4.6	10.2
Pinjaman terkumpul ³	347.2	378.5	6.6	9.0
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	466.0	488.7	2.6	4.9
Kelulusan pinjaman	209.6	218.3	4.7	4.1
Pengeluaran pinjaman	266.4	294.3	12.4	10.5
Pembayaran balik pinjaman	265.8	285.6	15.0	7.4
Pinjaman terkumpul ³	1,226.0	1,305.3	5.4	6.5

¹ Pinjaman bagi semua segmen termasuk data daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (DFI)
² Merujuk kepada jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada Kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti lain
³ Pada akhir tempoh
 Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
 Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pinjaman bagi segmen perniagaan secara keseluruhan kekal menyokong didorong oleh pertumbuhan yang tinggi dalam modal kerja dan aktiviti pelaburan. Keadaan ini dicerminkan oleh permohonan pinjaman yang tinggi iaitu sebanyak 7.7% kepada RM333.8 bilion sehingga Julai 2024. Walau bagaimanapun, bayaran balik pinjaman menurun sebanyak 3.2% kepada RM918 bilion terutamanya dalam subsektor perkhidmatan. Penurunan ini tidak melibatkan semua subsektor memandangkan terdapat peningkatan bagi pembayaran balik untuk perdagangan borong dan runcit. Pengeluaran pinjaman untuk perniagaan turut merosot sebanyak 0.7% kepada RM924.8 bilion. Sementara itu, akses kepada pembiayaan untuk PKS kekal tinggi bagi menyokong keperluan pembangunan merentasi pelbagai sektor seperti agro takaful, kewangan hijau dan pembiayaan pelancongan yang merangkumi lebih daripada separuh pembiayaan perniagaan (51.1%).

Sehingga Jun 2024, hutang isi rumah di Malaysia mencecah RM1,573.6 bilion dengan nisbah agregat hutang isi rumah kepada KDNK kekal stabil pada 83.8%. Perkembangan ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan 6.2% dalam pinjaman isi rumah yang disokong oleh peningkatan berterusan dalam pasaran buruh dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Pinjaman perumahan dan kereta menjadi penyumbang utama merangkumi 74.5% daripada jumlah hutang isi rumah. Pinjaman perumahan meningkat sebanyak 7.4% disokong oleh inisiatif untuk menggalakkan pemilikan rumah terutamanya bagi pembeli rumah kali pertama. Sementara itu, pinjaman kereta mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 10.4% mencerminkan jualan kenderaan yang lebih tinggi pada separuh pertama 2024 berbanding tempoh yang sama pada 2023. Sebaliknya, kadar pertumbuhan untuk penggunaan kad kredit dan pembiayaan peribadi mencatat 8.9% dan 3.3%.

Pertumbuhan kredit isi rumah sejajar dengan tahap pendapatan ditunjukkan melalui daya tahan kewangan isi rumah yang disokong oleh kapasiti pembayaran hutang dan penamparan

JADUAL 3.2. Sistem Perbankan: Pinjaman Terkumpul mengikut Sektor, Akhir Julai 2023 dan 2024

	RM BILION		BAHAGIAN (%)	
	2023	2024	2023	2024
Perniagaan	700.2	740.1	34.1	33.8
Bukan PKS ¹	350.6	359.1	17.1	16.4
PKS	347.2	378.5	16.9	17.3
<i>Sektor terpilih</i>				
Pertanian primer	31.7	32.9	4.5	4.4
Perlombongan dan kuari	9.1	9.0	1.3	1.2
Pembuatan	126.7	133.7	18.1	18.1
Pembinaan	89.6	90.9	12.8	12.3
Bekalan elektrik, gas dan air	21.3	18.7	3.0	2.5
Perdagangan borong dan runcit	145.0	160.4	20.7	21.7
Hotel dan restoran	19.4	20.9	2.8	2.8
Pengangkutan dan penyimpanan	30.7	31.2	4.4	4.2
Maklumat dan komunikasi	22.0	22.5	3.1	3.0
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	171.1	188.3	24.4	25.4
Isi rumah	1,226.0	1,305.3	59.6	59.6
<i>antaranya:</i>				
Pembelian harta tanah kediaman	755.2	812.8	61.6	62.3
Pembelian harta tanah bukan kediaman	80.8	82.8	6.6	6.3
Pembelian kereta penumpang	175.4	192.8	14.3	14.8
Kad kredit	40.3	43.5	3.3	3.3
Kegunaan persendirian	110.6	115.6	9.0	8.9
Pembelian sekuriti	63.3	57.5	5.2	4.4
Lain-lain	0.3	0.3	0.0	0.0
Sektor lain	130.2	143.1	6.3	6.5
Jumlah²	2,056.4	2,188.5	100.0	100.0

¹ Bukan PKS merujuk kepada syarikat besar, termasuk entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain

² Merujuk kepada jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada Kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti lain

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

kewangan yang kukuh. Pinjaman kepada isi rumah terus disokong oleh piawai pengunderaitan hutang yang berhemat serta penilaian kemampuan pinjaman yang teliti. Sehingga Jun 2024, median nisbah khidmat hutang (DSR) bagi pinjaman terkumpul dan yang baru diluluskan berada pada 34.6% dan 40.7% menandakan isi rumah kurang terdedah kepada tekanan kewangan. Di samping itu, penampakan kewangan agregat isi rumah kekal teguh pada 2.1 kali ganda paras hutang agregat.

Bahagian pinjaman isi rumah di bawah bantuan pembayaran balik bank daripada jumlah sistem perbankan termasuk Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) menguncup kepada 1.4% pada Jun 2024 (Disember 2023: 1.6%). Tekanan kewangan dalam kalangan isi rumah kekal minimum dengan kesukaran pembayaran balik hanya melibatkan segmen kecil peminjam dengan kekangan sedia ada. Golongan ini termasuk peminjam berpendapatan rendah yang sebelum ini berada di bawah program bantuan pembayaran balik dan pendapatan individu yang masih belum pulih sepenuhnya sejak pandemik. Walau bagaimanapun, kesejahteraan kewangan rakyat terus diutamakan melalui bantuan pengurusan kewangan dan hutang yang masih boleh diakses melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Melihat ke hadapan, pertumbuhan hutang isi rumah dijangka kekal terurus disokong oleh penambahbaikan berterusan dalam pasaran buruh dan aktiviti ekonomi serta penilaian risiko yang ketat oleh pihak bank. Sementara itu, Akta Kredit Pengguna yang bakal diperkenalkan dijangka memperkukuh rangka kerja kawal selia untuk penyedia kredit bukan bank dan penyedia perkhidmatan kredit. Perundangan ini akan memupuk budaya pinjaman yang berhemat dan bertanggungjawab dalam kalangan penyedia kredit termasuk penyedia perkhidmatan yang menawarkan kemudahan Beli Sekarang Bayar Kemudian serta menggalakkan pinjaman pengguna yang bertanggungjawab. Usaha ini dapat melindungi peminjam daripada beban kewangan akibat tanggungan hutang yang berlebihan.

Prestasi Pasaran Modal

Aktiviti pemerolehan dana kekal rancak

Pasaran modal domestik yang kekal stabil terus menyokong aktiviti ekonomi domestik dan memacu pelaburan secara berkesan. Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2024, pemerolehan dana sektor swasta mencatat peningkatan sebanyak 0.2% kepada RM70.2 bilion dengan pemerolehan dana kasar dalam pasaran ekuiti domestik berkembang sebanyak 13.9% kepada RM3.3 bilion. Namun begitu, aktiviti pemerolehan dana dalam sektor awam menyusut sebanyak 2.7% kepada RM110.9 bilion selari dengan komitmen Kerajaan terhadap pembaharuan fiskal. Secara keseluruhan, pemerolehan dana dalam pasaran modal mencatat penurunan kecil sebanyak 1.6% kepada RM181.1 bilion.

Pemerolehan dana melalui terbitan korporat baharu mencatatkan penurunan secara marginal sebanyak 0.4% kepada RM66.8 bilion dengan nota jangka pertengahan menyumbang sebanyak 92.2% daripada jumlah terbitan bon korporat. Dari segi sektor, terbitan bon korporat baharu didominasi oleh sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan yang merangkumi 76.5%. Dana ini sebahagian besarnya diperuntukkan untuk modal kerja, usaha niaga baharu, pembiayaan semula dan keperluan korporat lain. Meskipun terdapat sedikit penurunan, sokongan kewangan untuk perniagaan kekal kukuh didorong oleh jangkaan pertumbuhan dalam pembiayaan bank khususnya untuk PKS.

Pasaran modal domestik kekal menggalakkan disokong oleh pelaksanaan projek strategik baharu dan sedia ada meskipun ketidakpastian ekonomi global dan risiko geopolitik semakin meningkat. Dana yang diperolehi melalui IPO dalam pasaran ekuiti domestik berjumlah RM3.3 bilion dengan Bursa Malaysia berjaya menerbitkan 28 IPO bagi tempoh tujuh bulan pertama 2024. Penawaran IPO merangkumi pelbagai sektor termasuk produk dan perkhidmatan perindustrian, produk dan perkhidmatan pengguna, hartanah, teknologi dan perkhidmatan kewangan yang disenaraikan dalam Pasaran Utama, ACE atau LEAP.

JADUAL 3.3. Pemerolehan Dana oleh Pasaran Modal, Januari – Julai 2023 dan 2024

	RM JUTA	
	2023	2024
Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	57,402.9	55,174.5
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	56,633.9	55,765.9
Terbitan baharu sekuriti hutang	114,036.8	110,940.4
Tolak: Penebusan	55,420.0	50,520.0
Pemerolehan dana bersih oleh sektor awam	58,616.8	60,420.4
Sektor Swasta		
Saham¹/Waran		
Tawaran Awam Permulaan	2,912.3	3,316.3
Terbitan Hak	-	-
Waran	-	-
Terbitan baharu saham/waran	2,912.3	3,316.3
Sekuriti hutang²		
Bon biasa	1,005.8	2,579.9
Bon boleh tukar	-	-
Bon Islam	865.6	2,666.8
Nota jangka pertengahan	65,267.3	61,599.3
Terbitan baharu sekuriti hutang	67,138.7	66,846.0
Tolak: Penebusan	45,894.4	51,960.2
Terbitan bersih sekuriti hutang	21,244.3	14,885.8
Pemerolehan dana bersih oleh sektor swasta	24,156.6	18,202.1
Jumlah pemerolehan dana bersih	82,773.4	78,622.5

¹ Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langgan Boleh Pindah, Waran dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus

² Tidak termasuk kertas pelaburan jangka pendek mengikut prinsip konvensional dan Islam

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

JADUAL 3.4. Bon Korporat Baharu mengikut Sektor, Januari – Julai 2023 dan 2024

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2023	2024	2023	2024
Pertanian, perhutanan dan perikanan	348.0	0.0	0.5	0.0
Pembuatan	836.0	1,163.9	1.2	1.7
Pembinaan	6,250.4	3,208.0	9.3	4.8
Elektrik, gas dan air	14,632.2	5,875.0	21.8	8.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	2,785.5	1,931.0	4.1	2.9
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	37,358.2	51,169.9	55.6	76.5
Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain	4,535.8	2,500.0	6.8	3.7
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	392.5	998.1	0.6	1.5
Perlombongan dan kuari	0.0	0.0	0.0	0.0
Jumlah	67,138.7	66,845.9	100.0	100.0

Nota: Termasuk bon korporat yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin
Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia


Peningkatan IPO ini dipacu oleh dasar baharu yang diperkenalkan pada Mac 2024 yang mempercepat kelulusan IPO dalam tempoh tiga bulan dan menarik syarikat berkualiti untuk disenaraikan tanpa menjejaskan perlindungan pelabur dan kepentingan awam.

Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2024, pemerolehan dana kasar oleh sektor awam berkurangan sebanyak 2.7% kepada RM110.9 bilion dengan terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) menguncup sebanyak 3.9% kepada RM55.2 bilion dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) merosot sebanyak 1.5% kepada RM55.8 bilion. Penguncupan tersebut mencerminkan usaha strategik Kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal dengan terbitan diselaraskan mengikut keperluan kewangan Kerajaan dan profil kematangan. Pada Julai 2024, pegangan asing MGS berada pada 34.2% dan MGII pada 9.3%.

Secara keseluruhan, pasaran hutang Malaysia kekal teguh disokong oleh pelbagai pelabur institusi dan asing di samping mudah tunai yang tinggi dalam pasaran bon sekunder. Perkembangan ini terus mengukuhkan kestabilan dan daya tarikan instrumen hutang Malaysia. Permintaan pelabur asing terhadap instrumen domestik terutamanya MGS dijangka bertambah baik apabila kadar Fed dikurangkan memandangkan pelabur asing lebih memahami struktur dan mudah tunai instrumen ini.


Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2024, kadar hasil bon pasaran baru muncul mengalami keadaan turun naik yang dipengaruhi oleh perkembangan global terutamanya peralihan dalam kadar hasil bon Perbendaharaan AS berikutan kelewatan pengurangan kadar oleh Fed. Meskipun berhadapan cabaran ini, kadar hasil MGS kekal stabil mencerminkan keyakinan pelabur terhadap komitmen Kerajaan dalam pembaharuan fiskal. Kadar hasil MGS berkurangan merentasi semua tempoh dengan kadar hasil MGS 1-tahun, 3-tahun, 5-tahun dan

RAJAH 3.5. Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia (Akhir tempoh)



¹ Akhir Julai 2024
Sumber: Bank Negara Malaysia

RAJAH 3.6. Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia Terkumpul (Akhir tempoh)




¹ Akhir Julai 2024
Sumber: Bank Negara Malaysia

10-tahun berkurangan sebanyak 8, 10, 5 dan 1 mata asas (bps) berikutan persekitaran kadar faedah yang rendah.

Kadar hasil pasaran bon korporat di Malaysia mengalami penurunan ketara dalam tempoh tujuh bulan pertama 2024. Kadar hasil sekuriti 5-tahun bertaraf AAA, AA dan A berkurangan sebanyak 10, 17 dan 43 bps sejajar dengan jangkaan pengurangan kadar oleh Fed. Perkembangan ini menjadikan bon Malaysia lebih menarik bagi pelabur dan meningkatkan permintaan seterusnya menyumbang kepada kadar hasil yang lebih rendah.

Kadar hasil bon Malaysia pada 2024 dipengaruhi oleh inflasi yang sederhana, dasar monetari yang stabil dan prospek ekonomi global yang bercampur-campur. Secara keseluruhan, aliran pengurangan kadar hasil bon korporat mencerminkan jangkaan pasaran terhadap kadar faedah yang lebih rendah menandakan pengurangan kos pinjaman. Persekitaran ini memanfaatkan perniagaan dengan menawarkan peluang kepada peminjam yang mempunyai kedudukan kredit

RAJAH 3.7. Kadar Hasil Bon Korporat 5-Tahun (Akhir tempoh)

¹ Akhir Julai 2024
Sumber: Bank Negara Malaysia

yang baik untuk membiayai projek pada kos yang lebih rendah dan seterusnya menjana pertumbuhan ekonomi di Malaysia pada masa hadapan.

Prestasi FBM KLCI

FBM KLCI menyerlah berbanding kebanyakan pasaran saham serantau

Indeks FBM KLCI menunjukkan trend peningkatan yang ketara bagi tempoh lapan bulan pertama 2024. Pada Januari, indeks ini berjaya melepasi paras 1,500 mata dengan pantas dan mengatasi kebanyakan pasaran serantau meskipun berdepan ketidaktentuan kewangan global. Pemulihan ini didorong oleh keyakinan pelabur yang kukuh dengan jangkaan pulangan yang stabil susulan keputusan Fed untuk mengekalkan kadar faedah yang tinggi seterusnya memberikan isyarat ekonomi AS kekal pesat. Pada akhir Februari 2024, FBM KLCI melonjak kepada 1,551.44 mata dengan pertumbuhan sebanyak 6.7%.


JADUAL 3.5. Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih, Akhir Ogos 2023 dan 2024

	2023	2024
Indeks		
FBM KLCI	1,451.94	1,678.80
FBM EMAS	10,740.70	12,484.26
FBM 100	10,412.03	12,187.62
FBM SCAP	16,072.89	17,457.02
FBM ACE	5,217.97	5,116.09
Jumlah urus niaga¹		
Bilangan (juta unit)	559,605.08	788,250.91
Nilai (RM juta)	340,020.02	588,434.11
Purata urus niaga harian¹		
Bilangan (juta unit)	3,475.81	4,835.90
Nilai (RM juta)	2,111.93	3,610.03
Permodalan pasaran (RM bilion)		
	1,776.33	2,035.63
Bilangan syarikat disenaraikan		
Pasaran Utama	773	783
Pasaran ACE	167	189
Pasaran LEAP	48	49
Kecairan pasaran		
Nilai urus niaga/ permodalan pasaran (%)	19.1	28.9
Penumpuan pasaran		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/permodalan pasaran (%)	33.0	32.8

¹ Berdasarkan urus niaga pasaran dan perniagaan secara langsung antara Januari hingga Ogos
Sumber: Bursa Malaysia

Momentum positif ini dipacu oleh aliran masuk bersih ekuiti asing yang tinggi terutamanya dalam tempoh dua bulan pertama 2024 didorong oleh ekonomi China yang beransur stabil seterusnya memberikan manfaat kepada pasaran baru muncul termasuk Malaysia.

RAJAH 3.8. Prestasi Bursa Malaysia



¹ Akhir Ogos 2024
² Akhir tempoh
 Sumber: Bursa Malaysia


Pada 7 Mei 2024, FBM KLCI mencapai prestasi tertinggi dalam sejarah dengan permodalan pasaran melebihi RM2 trilion manakala indeks penanda aras FBM KLCI melepasi paras 1,600 mata buat kali pertama dalam tempoh dua tahun dan ditutup pada 1,605.68 mata. Prestasi menggalakkan ini disokong oleh pelaksanaan program dan inisiatif di bawah kerangka Ekonomi MADANI yang menetapkan hala tuju lebih jelas kepada pelabur mengenai pembangunan masa hadapan negara. Prestasi pasaran ini turut disokong oleh peningkatan keyakinan pelabur, jangkaan pemotongan kadar faedah oleh bank pusat utama dan prestasi ekonomi Malaysia yang kukuh.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2024, FBM KLCI terus meningkat sebanyak 15.4% dan ditutup pada paras 1,678.80 mata pada akhir Ogos. Paras ini merupakan pencapaian tertinggi sejak 16 Disember 2020 disumbangkan oleh prospek ekonomi yang positif dan pendapatan suku tahunan syarikat yang kukuh. Di samping itu, peningkatan selera risiko dalam kalangan pelabur asing

turut menyumbang kepada persekitaran pasaran yang positif seperti ditunjukkan oleh aliran masuk bersih ekuiti asing terkumpul sebanyak RM3 bilion sehingga akhir Ogos seterusnya mencerminkan pasaran ekuiti Malaysia berdaya tahan.

Pada akhir Ogos 2024, permodalan pasaran meningkat sebanyak 14.6% kepada RM2,035.6 bilion manakala purata volum harian melonjak sebanyak 39.1% kepada 4.8 bilion unit daripada 3.5 bilion unit. Purata nilai dagangan harian juga meningkat ketara sebanyak 70.9% kepada RM3.6 bilion daripada RM2.1 bilion. Halaju pasaran sebanyak 42.5% menggambarkan persekitaran dagangan yang aktif dengan turun naik pasaran kekal terkawal pada 8.4%. Sementara itu, pegangan pelabur asing sebanyak 19.8% daripada permodalan pasaran mencerminkan minat pelabur asing yang berterusan. Meninjau ke 2025, pasaran ekuiti domestik dijangka kekal berdaya tahan disokong oleh asas makroekonomi yang kukuh, mudah tunai domestik yang mencukupi dan instrumen pasaran modal yang maju.

RAJAH 3.9. Prestasi Pasaran Saham Terpilih (% perubahan)



Sumber: Bloomberg

SISIPAN 3.1

Inisiatif Utama Pasaran Modal

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bursa Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif utama dalam tempoh lapan bulan pertama 2024 untuk meningkatkan tahap mudah tunai dan kecekapan pasaran modal Malaysia. Langkah tersebut adalah seperti berikut:

Memperluas Kategori Pelabur Sofistikated bagi Meningkatkan Kebolehpasaran

Kategori baharu iaitu "Pengetahuan dan Pengalaman" telah diperkenalkan di bawah Garis Panduan Kategori Pelabur Sofistikated. Kategori ini memberikan manfaat kepada individu yang mungkin tidak memenuhi kriteria ujian kewangan tetapi mampu menunjukkan pengetahuan kewangan secara sofistikated melalui pendidikan, keahlian dalam persatuan dan pengalaman dalam sektor berkaitan. Perubahan penting lain dalam menilai kelayakan sebagai pelabur sofistikated adalah termasuk nilai kediaman utama pelabur sehingga had RM1 juta. Inisiatif tersebut meningkatkan kebolehpasaran modal dan penyertaan pelabur bagi menampung keperluan pasaran yang dinamik, menggalakkan aliran modal yang lebih besar dan mempelbagaikan asas pelabur.



Pendekatan Pengawalan Maklumat (Gatekeeping) Baharu untuk Memajukan Pengantara Pasaran Modal dan Pengendali Pasaran Diiktiraf

Penilaian Skop Berfokus telah diperkenalkan untuk Pengantara Pasaran Modal (CMI) dan Pengendali Pasaran Diiktiraf (RMO) baharu yang layak bagi memperkemas proses kawal selia dan memendekkan masa ke pasaran daripada lebih enam bulan kepada tiga bulan. Pindaan juga telah dibuat kepada Garis Panduan Pasaran yang Diiktiraf dengan tujuan untuk memastikan capaian yang saksama untuk semua RMO, terutamanya dalam memastikan kecekapan dalam sumber kewangan untuk mematuhi keperluan dalam menjalankan aktiviti terkawal. Pindaan juga termasuk pengukuhan amalan menentang jenayah kewangan seperti perubahan wang haram dan pembiayaan kegunaan. Inisiatif ini dijangka memudah cara akses pembiayaan untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Mempercepat Kelulusan Tawaran Awam Permulaan untuk Pasaran Utama dan ACE

Mulai 1 Mac 2024, permohonan Tawaran Awam Permulaan (IPO) baharu akan diluluskan dalam tempoh tiga bulan untuk menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara pengawal selia dengan pemain industri dalam menyediakan garis masa yang lebih jelas bagi menarik syarikat berkualiti untuk disenaraikan tanpa menjejaskan perlindungan pelabur dan kepentingan awam. Langkah ini juga menekankan usaha untuk mengekalkan daya saing dan memupuk persekitaran yang kondusif bagi penerbit IPO dengan menggalakkan kerjasama yang lancar antara pengawal selia dengan penasihat untuk memastikan usaha wajar serta piawaian pematuhan yang tinggi.



Piawaian Tatalaku yang lebih Tinggi untuk Pengantara Pasaran Modal

Garis Panduan mengenai Tatalaku untuk Pengantara Pasaran Modal yang disemak semula akan berkuat kuasa pada 1 Oktober 2024. Semakan ini bertujuan untuk meningkatkan piawaian bagi profesionalisme, integriti dan mengutamakan pelanggan dalam pasaran modal. Garis Panduan ini mengukuhkan peranan lembaga CMI dan pengurusan kanan dalam memupuk budaya korporat dengan mengutamakan kepentingan pelanggan. Garis Panduan ini juga menjelaskan kewajipan CMI untuk bertindak jujur dan adil serta tidak memperdaya dan mengelirukan pelanggan.

Langkah Tambahan untuk Menggalakkan Pelaburan Termaklum

Peringatan Dagangan diperkenalkan untuk melindungi pelabur daripada syarikat senaraian awam (SSA) yang terlibat dalam aktiviti dagangan luar biasa. Peringatan ini menjadi pelengkap kepada pertanyaan Aktiviti Pasaran Luar Biasa yang memerlukan SSA membuat pendedahan umum apabila mengalami pergerakan harga atau volum yang ketara dan tidak dapat dijelaskan.



Memangkin Akses Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana dan Syarikat Peringkat Pertengahan kepada Pasaran Modal: Pelan Hala Tuju Lima Tahun (2024 – 2028)

Pelan Hala Tuju ini telah diluncurkan untuk mengukuhkan pasaran modal sebagai sumber pembiayaan yang menarik dan mampan bagi PMKS serta syarikat peringkat pertengahan (MTC). Pelan ini merangkumi sembilan strategi dan 36 inisiatif utama yang menumpukan kepada inovasi kawal selia dan produk, infrastruktur pasaran serta pembinaan kapasiti. Pelan ini juga bertujuan untuk menyediakan pembiayaan sehingga RM40 bilion kepada PMKS dan MTC menjelang 2028.

Bursa Sosial Pertama Malaysia dan Platform Baharu Pengumpulan Dana Pembangunan Wakaf

YAB Perdana Menteri telah melancarkan dua inisiatif baharu pasaran modal semasa Forum Global Ekonomi dan Kewangan Islam. Pertama, penubuhan Bursa Sosial Malaysia dijangka menarik penyertaan modal swasta dalam projek yang memberikan keberhasilan sosial yang positif. Kedua, pengenalan pengumpulan dana untuk pembangunan wakaf melalui pembiayaan antara rakan setara (P2P) dan platform ekuiti pendanaan ramai dengan pembiayaan padanan daripada Malaysia Co-Investment Fund (MyCIF) pada kadar pembiayaan 0% akan memanfaatkan PMKS yang terlibat dalam projek berkaitan wakaf.



Panduan Praktikal untuk Modal Teroka dan Ekuiti Swasta di Malaysia

Panduan Praktikal untuk Modal Teroka (VC) dan Ekuiti Swasta (PE) di Malaysia telah diterbitkan untuk membantu pengurus dana, penyedia perkhidmatan dan pelabur memahami dasar yang mengawal operasi VC dan PE. Panduan ini merangkumi peraturan, dasar pertukaran asing, perihal percukaian dan struktur dana yang bertujuan untuk mempertingkatkan pelaburan dan inovasi dalam syarikat pemula dan perusahaan yang mempunyai pertumbuhan tinggi. Panduan ini juga selaras dengan agenda KL20 untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju global dalam ekosistem syarikat pemula.

Penyelesaian Perisikan Kelestarian Berpusat bagi Meningkatkan Kecemerlangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Global

Penyelesaian Perisikan Kelestarian Berpusat (CSI) telah diluncurkan untuk membantu syarikat mengintegrasikan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam strategi dan operasi perniagaan seterusnya meningkatkan daya saing. Penyelesaian CSI menyokong Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Strategi Semikonduktor Nasional bagi memudahkan akses kepada pembiayaan mampan.



Indeks Zakat Pertama Dunia Diluncurkan untuk Menerajui Inovasi Kewangan Islam

Persatuan Remisier Bumiputera Malaysia (PRBUMI) dan Bursa Malaysia telah melancarkan Indeks Zakat PRBUMI Bursa Malaysia (PBMZI) iaitu indeks khusus yang baharu bagi mengesan 200 syarikat di Pasaran Utama untuk meningkatkan pengiktirafan terhadap SSA yang mengamalkan Zakat Korporat. Indeks ini juga menggalakkan integrasi syarikat dalam inisiatif ESG dan Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) seterusnya meningkatkan daya tarikan SSA kepada pelabur dan pelanggan yang mempunyai kesedaran sosial.

Panduan Baharu untuk Pempengaruh Kewangan

Nota Panduan Penyediaan Nasihat Pelaburan telah dikemas kini merangkumi pempengaruh kewangan (*influencers*) yang mempromosikan produk dan perkhidmatan pasaran modal di media sosial. Nota Panduan yang dikemas kini menjelaskan bahawa aktiviti mempromosikan produk sedemikian di platform media sosial mungkin memerlukan lesen SC dalam keadaan tertentu. Pempengaruh kewangan yang terlibat dalam aktiviti terkawal tanpa lesen merupakan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dengan denda sehingga RM10 juta atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.



Semakan Semula Garis Panduan Pengurusan Risiko Teknologi

Garis Panduan Pengurusan Risiko Teknologi telah disemak semula bagi memperluas skop melangkaui keselamatan siber dan turut mengambil kira risiko teknologi yang lebih luas dengan memberikan penekanan kepada kebolehpercayaan, keselamatan serta daya tahan operasi. Perkara utama yang diliputi termasuk proses 'pengurusan perubahan', penyedia perkhidmatan pihak ketiga, keperluan pelaporan, audit teknologi, pengawasan lembaga pengarah dan akauntabiliti terhadap risiko teknologi. Insiden *CrowdStrike* yang berlaku telah menekankan kepentingan peraturan tersebut dalam mengukuhkan daya tahan operasi dan mengekalkan keyakinan pelabur.

¹MTC ditakrifkan sebagai syarikat dengan pendapatan tahunan antara RM50 juta hingga RM500 juta dalam sektor pembuatan, dan antara RM20 juta hingga RM500 juta dalam sektor perkhidmatan dan sektor lain.

Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam

Pasaran kewangan Islam terus berkembang pesat

Sistem perbankan Islam mempamerkan daya tahan berterusan dan pertumbuhan yang mampan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2024 bagi memenuhi peningkatan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan kewangan patuh Syariah berasaskan nilai dan prinsip yang ditawarkan. Sehingga Julai 2024, aset perbankan Islam² merangkumi 37% bahagian pasaran iaitu peningkatan sebanyak 7.8% kepada RM1,451.5 bilion. Prestasi ini sejajar dengan pertumbuhan jumlah pembiayaan sebanyak 9.1% yang menyumbang 46.1% daripada jumlah pinjaman dan pembiayaan sektor perbankan. Pembiayaan bagi segmen isi rumah yang mencakupi 63.2% daripada jumlah pembiayaan telah meningkat sebanyak 9.6% kepada RM583.7 bilion terutamanya bagi pembelian harta tanah kediaman dan kereta penumpang.

Perbankan Islam yang merupakan komponen utama dalam pasaran kewangan Islam bukan sahaja memainkan peranan penting sebagai perantara kewangan dalam ekonomi malahan berupaya memupuk masyarakat adil dan progresif melalui pelaksanaan Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) oleh institusi kewangan Islam. Lima bank digital telah diluluskan dengan dua daripadanya merupakan bank digital Islam sebagai antara usaha meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan selari dengan fokus VBI untuk mempromosi kebajikan sosial dan memupuk keterangkuman sistem kewangan. Perkembangan ini merupakan pencapaian penting selaras dengan komitmen Malaysia untuk terus berinovasi dalam sektor kewangan Islam dengan memanfaatkan teknologi digital bagi mencapai keterangkuman kewangan. Program dan inisiatif sedia ada yang sejajar dengan VBI dan mengguna pakai mekanisme kewangan campuran seperti inisiatif i-TEKAD akan terus memajukan keterangkuman kewangan dan memupuk pertumbuhan sosioekonomi masyarakat yang mampan

selaras dengan perkembangan industri kewangan Islam. Sementara itu, inisiatif dan program strategik baharu yang diluncurkan semasa Forum Global mengenai Ekonomi dan Kewangan Islam pada Mei 2024 dijangka memacu kedudukan Malaysia untuk melakar gelombang baharu dalam kewangan Islam global.

JADUAL 3.6. Perbankan Islam: Penunjuk Utama¹, Akhir Julai 2023 dan 2024

	RM BILION		PERUBAHAN (%)	
	2023	2024	2023	2024
Aset	1,081.4	1,161.1	8.7	7.4
Pembiayaan	844.1	924.1	9.1	9.5
Pertanian primer	21.0	20.4	21.6	-3.0
Perlombongan dan kuari	3.2	3.0	-27.4	-5.3
Pembuatan	33.9	37.5	-2.6	10.8
Bekalan elektrik, gas dan air	10.0	6.8	-6.8	-31.7
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	53.9	62.4	17.2	15.8
Pembinaan	44.6	47.8	-3.5	7.2
Hartanah	33.5	38.7	9.0	15.4
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	27.5	25.3	20.5	-8.1
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	37.8	51.9	13.7	37.2
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	8.3	8.5	19.8	3.3
Isi rumah	532.7	583.7	9.0	9.6
Lain-lain	37.7	38.1	19.6	0.9
Liabiliti	1,001.0	1,073.9	8.4	7.3
Deposit dan Akaun Pelaburan	934.8	997.4	7.5	6.7
Pelaburan	0.3	0.2	-11.7	-28.7
Tabungan	71.6	77.0	-4.6	7.5
Permintaan	132.7	149.3	-1.6	12.5
Lain-lain	587.3	613.4	11.8	4.5
Akaun Pelaburan	142.9	157.5	7.1	10.2

¹ Tidak termasuk DFI

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

² Termasuk Institusi Kewangan Pembangunan (DFI).

SISIPAN 3.2

Perkembangan Terkini Kewangan Islam: Forum Global mengenai Ekonomi dan Kewangan Islam

Dengan kerjasama Bank Negara Malaysia

Aspirasi kerangka Ekonomi MADANI untuk memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Islam pada peringkat global akan terus tertumpu kepada pelaksanaan inisiatif yang dapat mempertingkatkan kelebihan negara sebagai gerbang antarabangsa dalam kewangan Islam berdasarkan peranan negara selaku pemimpin pemikiran global dalam bidang tersebut. Sehubungan itu, Forum Global mengenai Ekonomi dan Kewangan Islam (GFIEF) yang berlangsung pada 28 hingga 29 Mei 2024 di Kuala Lumpur telah menyetujui pelbagai inisiatif serta kerjasama ekonomi dan kewangan Islam dengan memanfaatkan peluang transformasi bidang ini bagi mewujudkan kemakmuran bersama dan kesaksamaan.

Forum ini dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah naungan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) dengan kerjasama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA), Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (IILM), Bank Pembangunan Islam (IsDB), Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) dan Kumpulan Bank Dunia (WBG). Penyertaan dalam GFIEF terdiri lebih daripada 2,300 penggubal dasar, pemimpin industri, sarjana Syariah dan pengamal industri dari 75 negara.

Inisiatif berimpak yang diluncur dan diumumkan semasa GFIEF merangkumi dua tema utama seperti dalam Rajah 3.2.1.

RAJAH 3.2.1. *Inisiatif yang diluncur dan diumumkan semasa Forum Global mengenai Ekonomi dan Kewangan Islam*



¹ Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) telah diluncurkan pada 2006 sebagai inisiatif untuk membangunkan Malaysia sebagai pasaran antarabangsa untuk kewangan Islam.

Kerajaan akan terus menyokong inisiatif dan program di bawah kewangan Islam untuk mengukuhkan kedudukan negara sebagai peneraju ekonomi Islam global. Seajar dengan aspirasi negara, Kerajaan dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan pada peringkat domestik dan antarabangsa akan memberi tumpuan kepada usaha memperkasa peranan dan sumbangan kewangan Islam ke arah mentransformasikan ekonomi dan membina masyarakat yang lebih adil dan progresif.

Malaysia terus mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju dalam Pasaran Modal Islam (ICM) pada peringkat global. Pada Julai 2024, ICM mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 9.7%. Saiz pasaran ICM yang bernilai RM2,636 bilion mencakupi 63.7% daripada keseluruhan pasaran modal negara. Perkembangan ini disokong oleh peningkatan permodalan pasaran syarikat senaraian awam (SSA) patuh Syariah dan terbitan sukuk yang lebih tinggi. Pelaksanaan pelan strategik pada peringkat nasional termasuk Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) berpotensi meningkatkan pelaburan yang signifikan seterusnya mengukuhkan lagi pertumbuhan ICM.


Malaysia terus menerajui pasaran sukuk melalui 33.2% bahagian pasaran dalam sukuk global terkumpul. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2024, nilai sukuk merangkumi RM1.3 trilion atau 63.5% daripada jumlah bon dan sukuk Malaysia terkumpul. Sehingga Julai 2024, sukuk yang diterbitkan berjumlah RM175.2

bilion atau 60.9% daripada jumlah bon dan sukuk yang diterbitkan. Daripada jumlah ini, terbitan sukuk korporat menyumbang sebanyak RM48.8 bilion atau 71.6% daripada jumlah bon dan sukuk korporat yang diterbitkan.

Dari aspek pasaran ekuiti, SSA patuh Syariah terus mendominasi pasaran saham tempatan merangkumi 80.9% atau 824 syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Sehingga Julai 2024, SSA patuh Syariah menyumbang 64% atau RM1.3 trilion daripada jumlah permodalan pasaran sekuriti tersenarai.

Pasaran ICM yang memainkan peranan penting dalam pasaran modal dan sektor kewangan negara dijangka terus berkembang dipacu oleh usaha dan kerjasama sektor awam dan swasta serta disokong oleh permintaan pelabur yang semakin meningkat. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah menerbitkan Panduan Maqasid al-Syariah Pasaran Modal Islam Malaysia pada November 2023 yang merupakan sebahagian daripada usaha untuk memaju dan memudahkan pembangunan ICM. Panduan ini

RAJAH 3.10. Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara (% bahagian)



Sumber: Bank Negara Malaysia

menggariskan enam aspirasi dan 15 prinsip berdasarkan objektif Syariah untuk ICM yang bertujuan menyelaraskan ICM dengan semangat sebenar kewangan Islam. Penerapan prinsip dan aspirasi *Maqasid al-Syariah* seperti kemanusiaan, fleksibiliti dan inovasi serta kebolehcapaian dan keterangkuman oleh industri akan meningkatkan lagi impak positif ICM kepada lebih banyak pihak berkepentingan dan ekonomi secara menyeluruh.

Melangkah ke hadapan, usaha juga ditumpukan kepada perluasan tawaran ICM bagi menyokong bidang kritikal termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dalam industri halal serta ekosistem Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) patuh Syariah. Pelan strategik seperti Pelan Induk Pasaran Modal akan terus menggabungkan inisiatif yang disasarkan untuk menggalakkan ICM yang berdaya saing, cekap dan terangkum. Inisiatif tersebut bukan sahaja mencerminkan komitmen Malaysia untuk mencapai matlamat SDG bahkan memastikan negara kekal sebagai peneraju dalam kewangan Islam dan kewangan mampan.

Kesimpulan

Dasar monetari yang stabil terus menyokong pertumbuhan ekonomi mampan di samping mengekalkan kestabilan harga. Pada masa sama, pasaran kewangan domestik yang kekal rancak memainkan peranan berkesan bagi menyokong keperluan pembiayaan berikutan aktiviti ekonomi yang lebih kukuh. Selain itu, prestasi pasaran saham tempatan yang bertambah baik dan pemulihan nilai ringgit menunjukkan komitmen padu Kerajaan dalam meningkatkan status ekonomi negara selaras dengan aspirasi kerangka Ekonomi MADANI. Melangkah ke hadapan, asas ekonomi Malaysia yang teguh dan prospek pertumbuhan menggalakkan akan diperkukuh melalui pembaharuan struktur sedia ada dan pasaran kewangan domestik berdaya tahan demi menarik pelaburan berkualiti tinggi seterusnya menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelabur.

Rujukan

- Bank Negara Malaysia. (2023). *Pelan Sektor Kewangan 2022 – 2026*. <https://www.bnm.gov.my/publications/fsb3>
- Bank Negara Malaysia. (2024a). *Buletin Suku Tahunan Suku Kedua 2024*. <https://www.bnm.gov.my/-/buletin-suku-tahunan-suku-kedua-2024>
- Bank Negara Malaysia. (2024b). *Global Forum on Islamic Economics and Finance: Shaping a resilient global Islamic economy through values-based reforms*. <https://www.bnm.gov.my/gfief2024>
- Bank Negara Malaysia. (2024c). *Laporan Tahunan BNM 2023*. <https://www.bnm.gov.my/publications/ar2023>
- Bank Negara Malaysia. (2024d). *Sorotan dan Statistik Bulanan Julai 2024*. <https://www.bnm.gov.my/-/sorotan-statistik-bulanan-untuk-julai-2024>
- Bank Negara Malaysia. (2024e). *Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2023*. <https://www.bnm.gov.my/publications/emr2023>
- Bursa Malaysia. (2024a, Mei 20). *Bursa Malaysia introduces additional measures to encourage informed investing*. https://www.bursamalaysia.com/about_bursa/media_centre/bursa-malaysia-introduces-additional-measures-to-encourage-informed-investing
- Bursa Malaysia. (2024b, Jun 21). *Bursa Malaysia launches Centralised Sustainability Intelligence (CSI) solution to drive Malaysian companies' ESG excellence, for global competitiveness*. https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/66756010cd34aaaaddb2bad3/files/2162024_MEDIA_RELEASE_BURSA_MALAYSIA_LAUNCHES_CENTRALISED_SUSTAINABILITY_INTELLIGENCE_CSI_SOLUTION.pdf?1718968403
- Bursa Malaysia. (2024c, Julai 15). *Persatuan Remisier Bumiputera Malaysia and Bursa Malaysia collaborate to pioneer the world's first zakat index*. https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/6694e0a8e6414a2af1ae201f/files/150724_MEDIA_RELEASE_PRIBUMI_AND_BURSA_MALAYSIA_COLLABORATE_TO_PIONEER_THE_WORLD_S_FIRST_ZAKAT_INDEX_vf.pdf?1721032941
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2024a, Februari 5). *SC luaskan kategori pelabur sofistikated untuk kebolehcapaian pasaran yang lebih besar*. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/sc-luaskan-kategori-pelabur-sofistikated-untuk-kebolehcapaian-pasaran-yang-lebih-besar>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2024b, Februari 6). *SC perkenal pendekatan FSA kepada pengampang maklumat*. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/sc-perkenal-pendekatan-fsa-kepada-pengampang-maklumat>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2024c, Februari 26). *SC dan Bursa Malaysia ikrar kelulusan IPO lebih cepat untuk Pasaran Utama dan Pasaran ACE*. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/sc-dan-bursa-malaysia-ikrar-kelulusan-ipo-lebih-cepat-untuk-pasaran-utama-dan-pasaran-ace>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2024d, Mac 29). *SC tingkatkan standard tatalaku untuk pengantara pasaran modal*. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/sc-tingkatkan-standard-tatalaku-untuk-pengantara-pasaran-modal>

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2024e, Mei 23). *SC unveils roadmap to catalyse MSME and MTC access to the Capital Market*. <https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/sc-unveils-roadmap-to-catalyse-msme-and-mtc-access-to-the-capital-market>

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2024f, Mei 28). *Komen Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) mengenai pengumuman berkaitan pasaran modal di GFIEF*. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/komen-suruhanjaya-sekuriti-malaysia-sc-mengenai-pengumuman-berkaitan-pasaran-modal-di-gfief>

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2024g, Jun 13). *SC releases Practical Guide on Venture Capital and Private Equity in Malaysia*. <https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/sc-releases-practical-guide-on-venture-capital-and-private-equity-in-malaysia>

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2024h, Julai 18). *SC keluaran panduan untuk mempengaruhi kewangan*. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/sc-keluarkan-panduan-untuk-pengaruh-kewangan>

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2024i, Ogos 19). *Garis Panduan Pengurusan Risiko Teknologi SC berkuat kuasa hari ini*. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/garis-panduan-pengurusan-risiko-teknologi-sc-berkuat-kuasa-hari-ini>